



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI,
TINGKAT 14, 17 & 18,
WISMA BAPA MALAYSIA,
PETRA JAYA
93502 KUCHING,
SARAWAK.

Telefon Am: 082-441957
Kawat: FINANCIAL KUCHING
Teleks: STAFIN MA70023
Fax: 082-442355/313245

Ruj Tuan:

Ruj Kami : SFS/00021/SFS-CIRCULARS(P)(36)

Tarikh : 09 NOV 2020

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL.07/2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Residen Bahagian

Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PENAMBAHBAIKAN TERHADAP TATACARA PEROLEHAN UNTUK
RURAL TRANSFORMATION PROJECTS (RTP)
(SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL.06/2018)**

1. TUJUAN

1.1 surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tentang **penambahbalkan** terhadap tatacara perolehan sedia ada yang perlu dipatuhi dan digunakan oleh **Agensi Pelaksana** yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan ***Rural Transformation Projects (RTP)***.

1.2 **Agensi Pelaksana** adalah merujuk kepada semua Kementerian / Jabatan / Badan-Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek ***RTP***.

2. LATARBELAKANG

2.1 Pada 13 sehingga 15 Oktober 2020 lepas, satu bengkel mengenai ***ADMINISTRATION OF CONTRACTS TOWARDS PROJECT DELIVERY EXCELLENCE FOR SARAWAK GOVERNMENT PROJECTS*** telah diadakan dan salah satu fokus utama yang dibincang semasa bengkel tersebut adalah mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan ***Rural Transformation Project (RTP)***.

2.2 Di antara isu-isu utama yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- 2.2.1 Bagi nilai projek **sehingga RM200,000** penyertaan cabutan undi adalah dibuka kepada kontraktor Bumiputera Kelas F dan EX dan juga turut dibuka kepada **semua Kepala (Head)** tanpa mengira skop kerja projek. Ini menyebabkan terdapat beberapa kontraktor yang tidak mempunyai **Kepala (Head)** yang bersesuaian dengan projek yang diberikan gagal melaksanakan projek tersebut atau projek yang dilaksanakan tidak menepati kualiti/spesifikasi yang ditetapkan;
- 2.2.2 Had Modal Minima (*Minimum Capital Requirement*) sedia ada yang ditetapkan adalah rendah. Ini menyebabkan beberapa kontraktor yang tidak mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh didapati gagal atau lewat melaksanakan projek yang diberikan; dan
- 2.2.3 Tiada kontraktor menyertai cabutan undi selepas beberapa sesi cabutan undi dibuat dan ini mengakibatkan projek *RTP* lewat dilaksanakan.

3. PENAMBAHBAIKAN TATACARA PEROLEHAN SEDIA ADA

Dengan mengambilkira isu-isu yang dibangkitkan semasa bengkel tersebut dan bagi memastikan pelaksanaan projek *RTP* yang lebih efisien, tatacara yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.06/2018 adalah **dipinda** seperti berikut:

3.1 **Perenggan 3.1.2.2** sedia ada mengenai syarat-syarat penyertaan seperti had nilai kerja, kelas dan kepala yang dibenarkan adalah **dipinda dan diganti** dengan peraturan baru seperti berikut:

Kategori	Had Nilai Kerja (RM)	Kelas Yang Dibenarkan	Syarat Bidang Pendaftaran
1	RM100,000 dan ke bawah	F	i. Penyertaan dibuka kepada Semua Kepala (Head) tanpa mengira skop kerja projek.
2	Melebihi RM100,000 sehingga RM200,000	F dan EX	Walaupun bagaimanapun, Agensi adalah dibenarkan untuk menetapkan/ menghadkan kepada kontraktor yang mempunyai Kepala (Head) yang berkaitan mengikut skop kerja projek sekiranya skop kerja tersebut adalah kompleks seperti projek yang melibatkan pembinaan struktur atau seumpamanya ;

Kategori	Had Nilai Kerja (RM)	Kelas Yang Dibenarkan	Syarat Bidang Pendaftaran
			(Sambungan/...) ii. Dihadkan kepada kontraktor yang mempunyai Kepala (Head) yang berkaitan untuk projek yang melibatkan kerja-kerja pakar (specialised works) seperti kerja-kerja paip, mekanikal dan elektrik
3	Melebihi RM200,000 sehingga RM350,000	EX dan E	Penyertaan dihadkan kepada Kepala (Head) Yang Berkaitan mengikut skop kerja projek
4	Melebihi RM350,000 sehingga RM750,000	E dan D	
5	Melebihi RM750,000 sehingga RM1 Juta	D dan C	

3.2 **Perenggan 3.1.2.5 (a) (ii)** sedia ada mengenai syarat Had Minimum Modal (*Minimum Capital Requirement*) yang ditetapkan adalah **dipinda dan diganti** dengan peraturan baru seperti berikut:

Kategori	Had Nilai Kerja (RM)	Kelas Yang Dibenarkan	Had Minimum Modal Yang Diperlukan
1	RM100,000 dan ke bawah	F	RM1,500
2	Melebihi RM100,000 sehingga RM200,000	F dan EX	RM4,500
3	Melebihi RM200,000 sehingga RM350,000	EX dan E	RM8,250
4	Melebihi RM350,000 sehingga RM750,000	E dan D	RM16,500
5	Melebihi RM750,000 sehingga RM1 Juta	D dan C	RM26,250

Nota :

- i. Modal minimum adalah jumlah modal dalam bentuk aset mudah cair seperti berikut:
 - a. Nilai positif purata baki akhir bulanan dalam penyata bank bagi tiga (3) bulan terakhir;
 - b. Deposit tetap; dan

- c. Baki kemudahan kredit dan nilai kemudahan kredit tambahan yang akan diperolehi sekiranya projek yang berkaitan ditawarkan kepada kontraktor berkenaan.
- ii. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrikal, modal minimum juga adalah berdasarkan Had Minimum Modal seperti jadual di atas mengikut had nilai kerja projek yang berkaitan.
- iii. Bagi kerja-kerja yang kompleks, agensi pelaksana boleh menetapkan had minimum modal yang lebih tinggi daripada nilai yang dinyatakan di dalam jadual di atas tetapi **tidak melebihi lima (5) %** daripada **anggaran kos jabatan**.
- iv. Kontraktor yang layak menyertai cabutan undi lebih dari satu projek, maka had minimum modal yang sama boleh digunakan sebagai asas untuk proses cabutan undi untuk projek seterusnya pada sesi/ siri cabutan undi yang sama.
- v. Contoh pengiraan penetapan had minimum modal adalah tidak berubah seperti yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.06/2018.

3.3 Peraturan Perenggan 3.1.2.6, 3.1.2.7 dan 3.1.2.8 sedia ada adalah dipinda dan diganti seperti berikut:

3.3.1 Perenggan 3.1.2.6

- i. Selaras dengan tatacara perolehan RTP sedia ada, penyertaan cabutan undi adalah dihadkan kepada kontraktor-kontraktor **Bumiputera tempatan** yang mempunyai pendaftaran yang masih sah dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam Bidang Kerja, Kelas dan Kepala yang berkaitan di **Daerah** di mana projek berkenaan dilaksanakan.
- ii. Kontraktor yang berdaftar di **Daerah yang sama** yang telah berjaya mendapat kerja secara cabutan undi di Daerah tersebut tidak dibenarkan untuk menyertai cabutan undi seterusnya.
- iii. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Perolehan RTP adalah dibenarkan menggunakan senarai kontraktor di **Daerah yang sama** untuk cabutan undi yang seterusnya sekiranya bilangan kontraktor yang berdaftar di Daerah tersebut **kurang berbanding bilangan projek** yang hendak dilaksanakan dan

Kontraktor tersebut hendaklah memenuhi syarat-syarat penyenaian pendek (*shortlisting*) seperti yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.06/2018.

3.3.2 **Perenggan 3.1.2.7**

Jawatankuasa RTP Bahagian adalah dibenarkan untuk menyenaian pendek kontraktor-kontraktor dari **Daerah-Daerah lain di Bahagian yang sama** dalam keadaan seperti berikut:-

- i. Sekiranya semua kontraktor sedia ada yang telah dilantik di **Daerah yang sama** berkenaan mempunyai beban kerja sedia ada yang banyak (*ongoing contracts*) yang boleh menjejaskan pelaksanaan projek; atau
- ii. Sekiranya prestasi kontraktor sedia ada yang telah dilantik di **Daerah yang sama** berkenaan tidak memuaskan; atau
- iii. Sekiranya **tiada kontraktor** yang berdaftar dengan UPKJ di **Daerah yang sama** tersebut; atau
- iv. Sekiranya **terdapat kontraktor** yang berdaftar dengan UPKJ di **Daerah yang sama** tersebut tetapi tidak memenuhi syarat-syarat penyertaan yang ditetapkan.

3.3.3 **Perenggan 3.1.2.8**

Sekiranya tiada kontraktor yang menyertai cabutan undi selepas proses cabutan undi dibuka kepada kontraktor yang berdaftar di **Daerah yang sama dan semua Daerah di Bahagian yang sama** seperti yang diterangkan di perenggan 3.1.2.6 dan 3.1.2.7 di atas, maka Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian adalah dibenarkan dan diberi kuasa untuk **melantik kontraktor secara terus** dan mematuhi syarat-syarat berikut:

- i. Proses temuduga dan menyenaipendek kontraktor yang layak hendaklah dibuat terlebih dahulu oleh Agensi Pelaksana berdasarkan **kriteria penyenaian pendek** yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.6/2018;

- ii. Senarai kontraktor yang disenaraipendek hendaklah berkeupayaan dari segi teknikal dan kewangan;
- iii. Senarai kontraktor yang telah disenaraipendek oleh Agensi Pelaksana untuk melaksanakan projek-projek RTP tersebut hendaklah dirujuk ke Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian untuk pertimbangan;
- iv. Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian hendaklah memastikan kontraktor yang dilantik adalah kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan UPKJ dalam bidang **Kerja, Kelas dan Kepala (Head)** yang berkaitan di **Bahagian di mana projek tersebut dilaksanakan**; dan
- v. Memastikan harga tawaran adalah munasabah dan boleh diterima serta menguntungkan Kerajaan.

3.4 **Perenggan 3.1.3** sedia ada mengenai syarat-syarat tindakan ke atas kontraktor yang menarik diri selepas cabutan undi dibuat adalah **dipinda dan diganti** seperti berikut:

- 3.4.1 Sekiranya kontraktor menarik diri **selepas cabutan undi dibuat** dan **sebelum Surat Setuju Terima** dikeluarkan, maka kontraktor berkenaan tidak boleh disenaraikan untuk menyertai cabutan undi yang seterusnya bagi tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh kontraktor **menarik diri secara rasmi**.
- 3.4.2 Sekiranya kontraktor menarik diri **selepas cabutan undi dibuat** dan **selepas surat Setuju Terima** dikeluarkan, maka kontraktor berkenaan tidak boleh disenaraikan untuk menyertai cabutan undi seterusnya bagi tempoh **dua belas (12) bulan** dari tarikh kontraktor **menarik diri secara rasmi**.
- 3.4.3 Agensi Pelaksana hendaklah memaklumkan kepada Jawatankuasa Perolehan RTP Bahagian dengan **kadar segera** sekiranya terdapat kontraktor yang menarik diri selepas cabutan undi dibuat atau selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan untuk tujuan rekod dan rujukan bagi proses cabutan undi seterusnya.

4.0 PENGUATKUASAAN

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat Pekeliling ini dikeluarkan.
- 4.2 Surat Pekeliling ini hendaklah **dibaca bersekali** dengan surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri BII 06/2018.
- 4.3 Sebarang **pengecualian** peraturan yang ditetapkan dalam surat Pekeliling ini hendaklah mendapatkan **kelulusan terlebih dahulu daripada Kewangan Negeri secara bertulis** setelah dirujuk dan diperakukan oleh Jawatankuasa Perolehan RTP.

Sekian, terima kasih.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(DATUK AMAR HAJI AHMAD TARMIZI HAJI SULAIMAN)
Setiausaha Kewangan Negeri
SARAWAK

- s.k.:
1. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
 2. Pengarah, Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
 3. Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri
 4. Akauntan Negeri, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

